

**HIMPUNAN SOALAN SEJARAH KERTAS 1  
PERCUBAAN SPM NEGERI 2024  
(SMKA/MELAKA/PERAK/P.PINANG/N9/KEDAH/PERLIS/PUTRAJAYA/KL/JOHOR-KOTA TINGGI, PASIR GUDANG,  
MUAR/SARAWAK - SERIAN, BINTULU/ YIK)**

**SEJARAH TINGKATAN 5**

**BAB 1 KEDAULATAN NEGARA**

1. Kedaulatan berasal daripada perkataan Arab 'daulah' yang bermaksud

- A Kekuasaan tertinggi
- B Negara bebas dan merdeka
- C Kuasa pemerintahan sesebuah kerajaan
- D Negara berkuasa penuh dalam pemerintahan

2. Manakah antara berikut merupakan langkah dalam memperahankan kedaulatan

- A Menstabilkan ekonomi
- B Mengukuhkan semangat kenegerian
- C Mengekalkan perpaduan di kalangan kaum
- D Menambahkan keahlian dalam parti politik

3. Ciri-ciri negara berdaulat menjadikan Malaysia mempunyai identiti yang unik dan perlu dipertahankan. Mengapakah rakyat perlu mempertahankan identiti tersebut?

- A Meningkatkan pendapatan
- B Penghormatan negara luar
- C Pematuhan undang-undang
- D Mewujudkan perkongsian kuasa

4. Gambar berikut menunjukkan pertemuan antara Tun Hussein Onn dengan Anwar Sadat, Presiden Mesir pada tahun 1977



Apakah matlamat pertemuan tersebut diadakan?

- A Mengukuhkan hubungan diplomatik
- B Mendapatkan bantuan kewangan
- C Membantu pemulihan ekonomi
- D Mengerat perpaduan bangsa

5. Jadual berikut berkaitan takrif kedaulatan dalam pelbagai bahasa.

Bahasa	Takrif Kedaulatan
Bahasa Yunani	Agung atau tertinggi
Bahasa Melayu	Kekuasaan tertinggi
Bahasa Arab	Daulah

Apakah unsur persamaan berdasarkan takrif tersebut?

- A Keluhuran perlembagaan

- B Kebebasan asasi manusia
- C Kewibawaan pemerintahan
- D Keluasan wilayah pengaruh

6. Rajah berikut berkaitan ciri negara berdaulat.



Apakah X?

- A Sempadan negara diiktiraf
- B Pendidikan satu aliran
- C Hubungan luar probarat
- D Ekonomi pasaran bebas

7. Kedaulatan adalah kekuasaan tertinggi dan kewibawaan sesebuah negara yang bebas.

Apakah kepentingan kedaulatan kepada sesebuah negara?

- A Menjamin kesejahteraan rakyat
- B Memantapkan kewibawaan raja
- C Meningkatkan pencapaian intelek
- D Memperjuangkan kebajikan masyarakat

8. Apakah usaha yang dilakukan oleh kerajaan bagi mengukuhkan pertahanan negara?

- A Memodenkan teknologi senjata
- B Menetapkan sempadan negara
- C Mendapatkan tentera upahan
- D Menyekat pendatang asing

9. Kedaulatan penting untuk negara melaksanakan dasar kemakmuran ekonomi.

Mengapakah dasar tersebut dilaksanakan?

- A Mewujudkan perpaduan kaum
- B Meningkatkan taraf hidup rakyat
- C Memperkukuh hubungan diplomatik
- D Meningkatkan sistem pertahanan negara

10. Antara berikut, manakah peranan rakyat dalam mengukuhkan pertahanan negara?

- I Memodenkan aset ketenteraan
  - II Menggubal dasar dan undang-undang
  - III Mengelakkan kolaborasi dengan pihak luar
  - IV Menganggotai pasukan keselamatan negara
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

11. Kedaulatan moden dikaitkan dengan

- A kewibawaan raja
- B kehakiman yang bebas
- C kerajaan berperlembagaan
- D kerajaan terikat oleh undang-undang

12. Apakah kepentingan menjadi negara berdaulat?

- A Menguasai politik serantau
- B Menjadi kuasa utama ekonomi
- C Mewujudkan pentadbiran berkesan
- D Menentukan hala tuju pendidikan global

13. Apakah ciri kedaulatan tradisional negara kita?

- A Pemerintahan diketuai raja
- B Pengiktirafan kuasa imperialis
- C Pemilihan pemimpin tempatan
- D Pembahagian sempadan negeri

14. Antara berikut yang manakah peranan pemerintah dalam mewujudkan kestabilan politik di negara kita?

- A Menubuhkan parti politik berlainan bangsa
- B Melibatkan golongan elit dalam pentadbiran
- C Mengagihkan kekayaan negara dengan adil
- D Mengamalkan pendidikan pelbagai aliran


15 . Apakah yang menjadi asas kepada peraturan sesebuah negara?

- A. Sistem perundangan
- B. Ketertinggian perlembagaan
- C. Jawatan ketua Peguam Negara
- D. Pengiktirafan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu

16. Kedaulatan penting untuk memberikan hak kepada negara menjalinkan hubungan dengan negara lain? Bagaimanakah hubungan luar negara tersebut dapat dibentuk?

- A. Penggubalan dasar luar
- B. Pengiktirafan pemimpin
- C. Penerimaan pengaruh luar
- D. Pengurusan dasar ekonomi

17. Rajah berikut berkaitan sistem pemerintahan yang diamalkan di negara kita.



Apakah X?

- A Monarki Mutlak
- B Kerajaan Republik
- C Raja Berperlembagaan
- D Westminster

18 . Pemerintah dan rakyat mempunyai tanggungjawab untuk mempertahankan negara daripada ancaman musuh. Apakah peranan rakyat dalam mengukuhkan pertahanan negara?

- A Menggubal dasar negara
- B Menjalin kerjasama sempadan
- C Memodenkan aset ketenteraan
- D Menganggotai pasukan keselamatan

19. Apakah peranan institusi tersebut



- A. Meluluskan undang – undang
- B. Mengisytiharkan darurat
- C. Mentafsir Perlembagaan
- D. Menggubal undang – undang

20. Apakah kesan sekiranya rakyat Malaysia menghormati kepelbagaian budaya dan agama di negara kita?

- A. Meningkatkan imej negara
- B Sanggap berkorban
- C Mengukuhkan perpaduan
- D Peka terhadap isu semasa

21. Berikut merupakan sistem pentadbiran yang diamalkan di negara kita.

- Demokrasi Berparlimen

Mengapakah sistem tersebut penting terhadap kedaulatan negara?

- A. Undang-undang negara digubal oleh Perdana Menteri
- B. Rakyat terlibat dalam pemerintahan negara
- C. Kerajaan dan rakyat terikat oleh undang-undang yang perlu dipatuhi
- D. Yang di-Pertuan Agong memiliki kuasa mutlak dalam hal ehwal pentadbiran negara

22. Pernyataan berikut berkaitan dengan konsep patriotisme.

- Perasaan cinta yang mendalam terhadap negara
- Sanggup mempertahankan negara demi kemakmuran dan kestabilan negara

Apakah peranan rakyat bagi merealisasikan semangat tersebut?

- A. Menggubal undang-undang
- B. Mengukuhkan pasukan keselamatan
- C. Meningkatkan imej negara
- D. Menjalin hubungan dengan pihak luar

23. Apakah maksud Demokrasi Berparlimen?

- A Pemerintahan secara mutlak
- B Pemerintahan secara warisan
- C Pemerintahan secara realpolitik
- D Pemerintahan melalui perwakilan

24. Maklumat berikut merupakan peranan rakyat dalam mempertahankan kedaulatan negara.

- Memberikan maklumat tentang pencerobohan sempadan
- Menganggotai pasukan keselamatan

Apakah manfaat rakyat berbuat demikian?

- A Melicinkan pentadbiran negara
- B Mengukuhkan kesejahteraan hidup

- C Memantapkan pertahanan negara
- D Meningkatkan kewibawaan pemimpin

25. Senarai berikut berkaitan dengan kesejahteraan sosial.

- Rukun Negara
- Bahasa Kebangsaan

Apakah matlamat perkara tersebut diperkenalkan?

- A Menyalurkan bantuan kewangan
- B Memastikan semangat persaingan
- C Memupuk perasaan individualistik
- D Memupuk perasaan muhibah rakyat

26. Gambar berikut menunjukkan kepelbagaian budaya dan adat resam kaum di negara kita



Apakah kesimpulan daripada gambar tersebut?

- A Mengadakan kunjung-mengunjung
- B Mematuhi undang-undang negara
- C Mengekalkan perpaduan kaum
- D Menunjukkan keunikan negara

27. Kedaulatan boleh ditakrifkan mengikut bahasa.

Sumber	Perkataan
Bahasa Inggeris	Sovereignty
Bahasa Yunani	Superanus

Berdasarkan takrifan dari sudut bahasa, apakah yang boleh dimaksudkan dengan kedaulatan dalam bahasa Inggeris?

- A Kuasa penuh negara
- B Kuasa negara merdeka
- C Kuasa tertinggi pemerintah
- D Kuasa penuh pemerintahan

28. Senarai berikut berkaitan dengan pelaksanaan dasar sosial bagi memperkukuhkan kesejahteraan negara.

- Bahasa Kebangsaan
- Rukun Negara

Apakah matlamat yang hendak dicapai melalui dasar tersebut?

- A Penguatan politik
- B Pemantapan ekonomi
- C Pemupukan perpaduan
- D Pembasmian kemiskinan

29. Mengapakah negara berdaulat perlu mempunyai sempadan yang jelas?

- A Menyekat pencerobohan
- B Membina kubu pertahanan
- C Memudahkan pemerintahan
- D Mengenal pasti penduduk asal

30. Mengapakah kerajaan melaksanakan usaha berikut?

- Mewajibkan mata pelajaran Sejarah
- Menganjurkan sambutan Hari Pahlawan

- A. Mengekalkan perpaduan
- B. Mengukuhkan pertahanan
- C. Mewujudkan kestabilan politik
- D. Memupuk semangat patriotisme

## BAB 2. PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

1. Apakah ciri-ciri tradisional yang terdapat dalam Perlembagaan Persekutuan?

- I Agama Islam
  - II Kewarganegaraan
  - III Kerajaan Persekutuan
  - IV Kedudukan orang Melayu dan Bumiputera
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV

2. Maklumat berikut berkaitan dengan pindaan Perlembagaan 1965.

- Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj membawa usul pindaan perlembagaan yang dinamakan pindaan Singapura pada 7 ogos 1965.

Apakah badan yang berkuasa meluluskan pindaan perlembagaan tersebut?

- A Parlimen
- B Jemaah Menteri
- C Majlis Raja-Raja
- D Dewan Undangan Negeri

3. Maklumat berikut berkaitan undang-undang yang diperkenalkan oleh British di Negeri-Negeri Selat.

- Charter of Justice I
- Charter of Justice II
- Charter of Justice III

Mengapakah undang-undang tersebut diperkenalkan?

- A Mengehendkan kuasa raja
- B Menentang penyebaran agama
- C Menghalang berlaku penindasan

D Mengurangkan peranan pembesar

4. Apakah ciri tradisional yang terkandung dalam perlembagaan persekutuan?

- A Demokrasi berparlimen
- B Kerajaan persekutuan
- C Pemerintahan beraja
- D Pendidikan vernakular

5. Apakah persamaan undang-undang negeri Melayu berikut?

- Hukum Kanun Pahang
- Undang-Undang Kedah
- Undang-Undang 99 Perak

- A Menggunakan model Westminster
- B Mengabungkan ciri tradisional dan moden
- C Mewujudkan sistem Raja Berperlembagaan
- D Mewarisi perundangan Kesultanan Melayu Melaka

6. Pentadbiran manakah yang memperkenalkan perubahan konsep kewarganegaraan berikut?

- Rakyat Raja
- Rakyat British

- A Negeri-negeri Selat 1826
- B Negeri-negeri Melayu Bersekutu 1896
- C Persekutuan Tanah Melayu 1948
- D Persekutuan Malaysia 1963

7. Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan pilihan raya sebagai asas sistem demokrasi di Malaysia. Apakah rasional peruntukan tersebut?

- A Pengasingan kuasa
- B Pemerintahan beraja
- C Rakyat bebas memilih wakil pemimpin
- D Kerajaan Persekutuan berkuasa penuh

8. Mengapakah berlaku pindaan Perlembagaan Persekutuan pada tahun 1963?

- A Pemisahan Singapura
- B Pembentukan Malaysia
- C Mengukuhkan sistem beraja
- D Menjalankan pilihan raya umum

9. Maklumat berikut berkaitan ciri moden Perlembagaan Persekutuan.

- Kewarganegaraan
- Sistem Demokrasi Berparlimen
- X

Apakah X?

- A Kerajaan Persekutuan
- B Pemerintahan Beraja
- C Bahasa Melayu
- D Agama Islam

10. Tunku Abdul Rahman telah membawa usul pindaan perlembagaan di Parlimen pada 7 Ogos 1965. Mengapakah beliau bertindak sedemikian?

- A Pemisahan Singapura
- B Pembentukan Malaysia
- C Penubuhan Mahkamah Atasan
- D Pelantikan Yang di-Pertua Negeri

11. Antara yang berikut, yang manakah berkaitan dengan ciri tradisional Perlembagaan Persekutuan?

- I. Meneruskan pemerintahan beraja
  - II Satu kewarganegaraan yang sama
  - III Mengamalkan demokrasi berparlimen
  - IV Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

12. Mengapakah pindaan perlembagaan dilakukan pada tahun 1963?

- A Pengukuhan politik
- B Pemisahan Singapura
- C Pembukaan pasaran bersama
- D Penggabungan antara wilayah

13. Mengapakah Malaysia dianggap sebagai sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi?

- A Mengadakan pilihan raya
- B Mengekalkan sistem beraja
- C Melakukan pengagihan kuasa
- D Menubuhkan kerajaan pusat

14. Bagaimanakah berlaku pemisahan Singapura daripada Malaysia pada tahun 1965?

- A Pengisytiharan raja
- B Persetujuan rakyat
- C Perbicaraan mahkamah
- D Pindaan perlembagaan

15. Senarai berikut merujuk kepada Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB)

- Perak
- Selangor
- Negeri Sembilan
- Pahang

Apakah persamaan penggubalan undang-undang di negeri-negeri tersebut?

- A. Diwartakan oleh sultan negeri
- B. Digubal oleh Majlis Persekutuan
- C. Diperkenankan oleh Majlis Raja-raja
- D. Digubal oleh Majlis Undangan Negeri


16. Pihak yang manakah bertanggungjawab melindungi kedudukan orang Melayu dan bumiputra Sarawak dan Sabah sebelum negara kita mencapai kemerdekaan?

- I. Raja
  - II. Ketua pribumi
  - III. Residen Jeneral British
  - IV. Perlembagaan Persekutuan
- A. I dan II
  - B. I dan IV
  - C. II dan III
  - D. III dan IV

17. Apakah tujuan undang-undang tersebut diperkenalkan? Charter of Justice

- A Melindungi penduduk asal
- B Memelihara kepentingan British
- C Melaksanakan undang-undang Barat
- D Menggantikan undang-undang tempatan

18. Rajah berikut berkaitan kronologi pindaan Perlembagaan Persekutuan yang dibuat pada tahun 1965.



Kronologi pindaan tersebut dikaitkan dengan

- A Pembentukan Malaysia
- B Pemisahan Singapura
- C Penyertaan Brunei
- D Penentangan Indonesia

19. Maklumat berikut berkaitan dengan undang – undang yang terdapat di negeri – negeri Melayu.

- Hukum Kanun Pahang
- Undang - Undang Johor
- Undang - Undang 99 Perak

Apakah persamaan undang – undang tersebut ?

- A. Mewarisi perundangan Kesultanan Melayu Melaka
- B. Mewujudkan Raja Berperlembagaan
- C. Menggabungkan unsur tradisional dan moden
- D. Menerima pengaruh undang – undang Inggeris

20. Maklumat berikut berkenaan dengan Pindaan Perlembagaan di negara kita.

Tahun 1965	Perkara Pindaan Perlembagaan
---------------	---------------------------------

Apakah kesan pindaan tersebut ?

- A. Singapura keluar dari Malaysia
- B. Sistem Westminster diperkenalkan
- C. Sistem mahkamah atasan dimansuhkan
- D. Sarawak dan Sabah menyertai Malaysia

21. Negara kita mempunyai sistem pemerintahan yang tersendiri sebelum kedatangan kuasa Barat.

Apakah bentuk pemerintahan negara kita sebelum kedatangan British?

- A. Sistem republik
- B. Pemerintahan beraja
- C. Demokrasi berparlimen
- D. Pemerintahan demokrasi

22. Pindaan perlembagaan pada 7 Ogos 1965 merupakan satu peristiwa penting yang berlaku dalam sejarah negara kita. Apakah implikasinya?

- A. Pembentukan Malaysia
- B. Penubuhan Persekutuan
- C. Pemisahan Singapura daripada Malaysia
- D. Pemansuhan jawatan Yang di-Pertua Negeri

23. Bagaimanakah kuasa eksekutif raja sebagai ketua negeri dilaksanakan?

- A Diperuntukkan oleh Yang di-Pertuan Agong
- B Melalui nasihat Majlis Mesyuarat Negeri
- C Diputuskan oleh Menteri Besar
- D Melaksanakan kuasa mutlak

24. Perlembagaan Malaysia telah mewujudkan mahkamah untuk menguruskan soal kehakiman di Sarawak dan Sabah. Mahkamah tersebut dikenali sebagai

- A Mahkamah Tinggi Sarawak dan Sabah
- B Mahkamah Agung Sarawak dan Sabah
- C Mahkamah Tinggi Borneo
- D Mahkamah Anak Negeri

25. Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 disesuaikan dengan model Westminster. Dari negara manakah model tersebut diambil?

- A Britain
- B Belanda
- C Sepanyol
- D Amerika Syarikat

26. Maklumat berikut berkaitan dengan bidang kuasa mahkamah.

- Boleh mendengar mana-mana persoalan perlembagaan dan pertikaian antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri

Apakah mahkamah tersebut?

- A Mahkamah Tinggi Borneo
- B Mahkamah Persekutuan
- C Mahkamah Rayuan
- D Mahkamah Atasan

27. Pasangan manakah yang betul berkaitan badan dan penggubalan undang-undang sebelum merdeka?

	Badan	Penggubalan undang-undang
A	Majlis Kerja	Undang-undang Negeri-negeri Selat
B	Majlis Persekutuan	Undang-undang Negeri-negeri Melayu Bersekutu
C	Majlis Undangan Negeri	Undang-undang Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu
D	Majlis Tertinggi	Undang-undang Negeri Sarawak

28. Manakah menyatakan tentang perlembagaan?

- A Undang-undang tertinggi
- B Undang-undang bertulis
- C Undang-undang Yunani
- D Undang-undang moden

29. Maklumat berikut berkaitan dengan asas pembentukan perlembagaan.

Proses	Kesan
Pindaan Perlembagaan Persekutuan 1963	Pembentukan X

Apakah X?

A Majlis Raja-Raja

B Jawatan Ketua Menteri

C Mahkamah Tinggi Borneo

D Jawatan Yang di-Pertuan Agong

### BAB 3. RAJA BERPERLEMBAGAAN DAN DEMOKRASI BERPARLIMEN

1. Seorang pegawai tertinggi angkatan tentera telah dijatuhi hukuman. Pihak manakah yang berkuasa memberi pengampunan kepada pegawai tersebut?

- A Perdana Menteri
- B Menteri Pertahanan
- C Yang di-Pertuan Agong
- D Mahkamah Persekutuan

2. Bagaimanakah mekanisme semak dan imbang telah berperanan memastikan kestabilan negara ?

- A Mengekalkan status quo orang Melayu
- B Memudahkan dasar kerajaan diluluskan
- C Mengatasi kemasukan pengaruh luar
- D Meredakan pertikaian parti politik

3. Antara berikut, yang manakah peranan Yang di-Pertuan Agong dalam bidang kuasa eksekutif?

- A. Melantik Panglima Angkatan Tentera
- B. Membubarkan persidangan parlimen
- C. Memperkenankan Rang Undang-undang
- D. Menjadi Ketua Agama Islam di Melaka


4. Apakah ciri amalan demokrasi di Malaysia?

- A. Pembentukan Majlis Raja-raja Melayu
- B. Pelaksanaan Pilihan raya Umum
- C. Penubuhan Majlis Persidangan Raja-raja
- D. Perlantikan Speaker Dewan Rakyat

5. Malaysia mengamalkan sistem Raja Berperlembagaan. Antara berikut, yang manakah berkaitan dengan hak Yang di-Pertuan Agong berdasarkan sistem tersebut?

- I Bertindak atas nasihat Perdana Menteri
  - II Boleh menggunakan kuasa budi bicara
  - III Berkuasa penuh soal kewangan negara
  - IV Berhak membatalkan undang-undang
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

6. Rajah berikut berkaitan pengasingan kuasa dalam sistem pemerintahan negara kita.



Apakah peranan badan X?

- A Menggubal dasar negara
- B Mentafsir perlembagaan
- C Meluluskan undang-undang
- D Mengesahkan perbelanjaan kerajaan

7. Bagaimanakah Majlis Raja-Raja memainkan peranannya dalam sistem Raja Berperlembagaan?

- A Mengesah pelantikan anggota Jemaah Menteri
- B Memberi nasihat berkaitan pelantikan jawatan tertentu
- C Memperkenan undang-undang yang diluluskan Parlimen
- D Mempunyai kuasa budi bicara dalam pembentukan kerajaan


8 Perlembagaan Persekutuan telah menggariskan peruntukan berkaitan dengan kebebasan asasi. Apakah bukti negara kita mengamalkan kebebasan asasi dalam beragama?

- I Aktiviti keagamaan dijalankan secara tertutup
  - II Sikap diskriminasi terhadap agama lain
  - III Agama Islam sebagai agama Persekutuan
  - IV Penganut agama lain mengamalkan agama masing-masing
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV

9. Antara berikut yang manakah fungsi Majlis Raja-Raja Melayu?

- I Melantik jawatan penting
  - II Menjalin hubungan diplomatik
  - III Menjadi Lembaga Pengampunan
  - IV Memperkenan pindaan perlembagaan
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV

10. Rajah berikut menunjukkan struktur pentadbiran Persekutuan.



Berdasarkan rajah, apakah kesimpulan yang dapat anda berikan?

- A Konsep kesatuan
- B Sistem persekutuan
- C Pembahagian kuasa
- D Raja Berperlembagaan

11. British sukar meluaskan kuasa mereka di Tanah Melayu sebelum Perang Dunia Kedua. Mengapa keadaan itu berlaku?

- A Kekurangan tentera
- B Kurang sokongan penduduk
- C Halangan pemerintahan beraja
- D Terlibat dengan perang di Eropah

12 Perlembagaan Malaysia menetapkan bidang kuasa Yang di-Pertuan Agong. Antara yang berikut, yang manakah bidang kuasa eksekutif baginda?

- I Mengisytihar darurat
  - II Melantik Perdana Menteri
  - III Pemerintah tertinggi tentera
  - IV Ketua agama Islam di negeri baginda sendiri
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV

13. Antara berikut yang manakah berkaitan dengan Badan Kehakiman di Malaysia?

- I Mentafsir undang-undang
  - II Meminda undang-undang
  - III Menggubal undang-undang
  - IV Melaksanakan undang-undang
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV

14 Apakah fungsi Majlis Raja-Raja selepas merdeka?

- A Melantik Perdana Menteri
- B Mengetuai angkatan tentera
- C Menjadi Lembaga Pengampunan
- D Menasihati Pesuruhjaya Tinggi

15 Antara berikut, yang manakah peranan Yang di-Pertuan Agong dalam bidang kuasa eksekutif?

- A. Melantik Panglima Angkatan Tentera
- B. Membubarkan persidangan parlimen
- C. Memperkenankan Rang Undang-undang
- D. Menjadi Ketua Agama Islam di Melaka

16 Apakah ciri amalan demokrasi di Malaysia?

- A. Pembentukan Majlis Raja-raja Melayu
- B. Pelaksanaan Pilihan raya Umum
- C. Penubuhan Majlis Persidangan Raja-raja
- D. Perlantikan Speaker Dewan Rakyat

17. Undang-undang berikut diwujudkan berdasarkan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.

- Undang-undang Tubuh Kerajaan Pahang
- Undang-undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan

Apakah kesan pengenalan undang-undang tersebut?

- A Penubuhan Majlis Perundangan Negeri
- B Pembentukan Majlis Mesyuarat Persekutuan
- C Pengenalan sistem Raja Berperlembagaan
- D Penerusan warisan Kesultanan Melayu

18. Pilih pasangan yang BETUL tentang badan dan peranan dalam pemerintahan di negara kita?

Badan		Peranan
<b>A</b>	Legislatif	Menggubal undang-undang negara
<b>B</b>	Judisiari	Melaksanakan dasar kerajaan
<b>C</b>	Eksekutif	Mentafsir peruntukan perlembagaan
<b>D</b>	Kehakiman	Melantik jawatan penting

19. Makluman berikut merupakan kuasa Yang di – Pertuan Agong seperti yang diperuntukan dalam Perlembagaan Persekutuan.

- Perisytiharan Darurat

Apakah tujuan perisytiharan tersebut ?

- A. Mengelakkan neo - kolonialisme
- B. Menghapuskan ancaman komunis
- C. Mempertahankan keselamatan negara
- D. Menyelesaikan pertindihan perlembagaan

20. Mengapakah pemerintahan beraja berperanan mengimbangi pemerintahan demokrasi di negara kita?

- A. Raja mempunyai kuasa budi bicara
- B. Raja berkecuali dalam hal politik , ekonomi dan dasar negara
- C. Yang di-Pertuan Agong mengetuai ketiga-tiga badan pemerintahan
- D. Raja tidak memihak mana-mana parti politik

21. Antara berikut, yang manakah bidang kuasa Yang di-Pertuan Agong?

- A. Mengisytiharkan darurat
- B. Menentukan sempadan negeri
- C. Mengawal perbelanjaan negara
- D. Menggubal Rang Undang-Undang

22. Maklumat berikut berkaitan dengan gabungan unsur tradisional dan moden dalam pentadbiran negara kita.

- Raja Berperlembagaan
- Demokrasi Berparlimen

Apakah kepentingan wujudnya kedua-dua unsur tersebut dalam sistem pentadbiran negara kita?

- A. Menjamin kebebasan asasi
- B. Memudahkan pembentukan kerajaan
- C. Memastikan Kerjasama politik berterusan
- D. Mewujudkan mekanisme semak dan imbang

23. Gambar berikut adalah Yang di-Pertuan Agong Malaysia.



Apakah kedudukan baginda seperti termaktub dalam Perkara 32 Perlembagaan Persekutuan.

- A Ketua Utama Negara
- B Ketua Anak Negeri
- C Ketua Hakim
- D Ketua SPRM

24 Fungsi Dewan Undangan Negeri adalah untuk

- A Menggubal undang-undang di Parlimen
- B Mentafsir undang-undang yang digubal di Parlimen
- C Menggubal undang-undang bagi negeri masing-masing
- D Melaksanakan kuasa eksekutif pada peringkat Persekutuan

25. Apakah bidang kuasa Yang di-Pertuan Agong?

- A Mengubah sempadan negeri
- B Mengetuai perkhidmatan awam
- C Mengawal perbelanjaan kerajaan
- D Melantik diplomat ke luar negara

26. Apakah kepentingan institusi berikut negara kita sehingga hari ini?



Parlimen

- A Menjayakan pelaksanaan dasar luar
- B Memelihara kebebasan asasi rakyat
- C Menggubal undang-undang negara
- D Membentuk pemerintahan kerajaan

27. Apakah yang menghalang kuasa British di negeri Melayu sebelum Perang Dunia Kedua?

- A Perpaduan rakyat
- B Pemimpin agama
- C Penyatuan kaum
- D Pemerintahan beraja

28. Maklumat berikut berkaitan peranan Majlis Raja-Raja.

- Majlis Raja-Raja berperanan sebagai pengimbang dalam sistem demokrasi di negara kita

Bagaimanakah Majlis Raja-Raja melaksanakan peranan tersebut?

- A Mengesah pelantikan anggota Jemaah Menteri
- B Memberi nasihat berkaitan perlantikan jawatan penting
- C Mempunyai kuasa budi bicara dalam pembentukan kerajaan
- D Memperkenan semua undang-undang yang diluluskan Parlimen

29. Apakah status Raja-raja Melayu di negeri baginda semasa pendudukan Jepun?


- A Ketua keselamatan dan keamanan
- B Ketua hal ehwal agama Islam
- C Ketua pentadbir negeri
- D Ketua hakim

30. Apakah fungsi Majlis Raja-Raja selepas merdeka?

- I. Memperkenan pindaan perlembagaan
  - II. Melantik Perdana Menteri
  - III. Membubarkan parlimen
  - IV. Menjadi rujukan dalam perubahan dasar
- A I dan I
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

## BAB 4 SISTEM PERSEKUTUAN

1. Peta menunjukkan antara kawasan perlindungan hidupan liar dan taman negara di Semenanjung Malaysia



Apakah agensi yang menguruskan taman negara tersebut?

- A PBB
- B UNESCO
- C ESSCOM
- D PERHILITAN

2. Manakah antara berikut yang terkandung dalam Senarai Bersama?

- A Pertahanan
- B Perumahan
- C Kerajaan tempatan
- D Undang-undang Islam

3. Maklumat berikut berkaitan dengan pentadbiran kerajaan.

- Hal ehwal luar negeri
- Pelajaran
- Pentadbiran keadilan

Kerajaan yang mempunyai bidang kuasa tersebut ialah Kerajaan

- A Sultan
- B Negeri
- C Tempatan
- D Persekutuan

4. Perkara berikut berkaitan dengan kawalan keselamatan di negara kita.

- Pemerintahan Keselamatan Kawasan Rajang (RASCOM)

Mengapakah kawasan keselamatan tersebut diistiharkan ?

- A Rusuhan kaum
- B Serangan lanun
- C Ancaman komunis
- D Penularan penyakit

5. Senarai berikut berkaitan rancangan pembangunan sosioekonomi melibatkan kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

- Northern Corridor Economic Region (NCER)
- East Coast Economic Region (ECER)
- Sabah Development Corridor (SDC)

Apakah matlamat rancangan tersebut?

- A Pembukaan tanah baru
- B Pemulihan tanah terbiar
- C Pembangunan koridor wilayah
- D Pembangunan ekonomi segi tiga

6. Bagaimanakah mengatasi masalah berikut berdasarkan Perlembagaan Persekutuan?

- Undang-undang Negeri tidak selaras dengan undang-undang Persekutuan

- A Undang-undang baru perlu digubal
- B Undang-undang di bawah Senarai Bersama dirujuk
- C Undang-undang yang digubal Parlimen akan diguna pakai
- D Undang-undang yang diluluskan Dewan Undangan Negeri dikuatkuasa

7. Jadual berikut berkaitan perkembangan sistem Pentadbiran Persekutuan di negara kita.

Tahun	Sistem Pentadbiran
1896	Pembentukan Negeri-negeri Melayu Bersekutu
1927	Penstrukturan Majlis Perundangan Persekutuan
1946	Penubuhan Malayan Union

Apakah kepentingan pembentukan sistem tersebut?

- A Menjamin kepentingan British
- B Menjalankan dasar dekolonisasi
- C Melaksanakan pengasingan kuasa
- D Mengukuhkan kedudukan Raja-raja Melayu

8. Pada peringkat awal kemerdekaan, kerajaan telah melancarkan program In-Situ.

Apakah penekanan program tersebut?

- A Pembangunan fizikal desa
- B Penyediaan peluang pekerjaan
- C Pembukaan petempatan baharu
- D Penyusunan semula masyarakat

9. Senarai Bersama ialah perkara yang membolehkan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) menggubal undang-undang untuk perkara yang sama.

Apakah yang perlu dilakukan sekiranya terdapat percanggahan dalam perkara tersebut?

- A Merujuk kepada keputusan Majlis Raja-raja
- B Membicarakan dalam Mahkamah Persekutuan
- C Mendapatkan perkenan Yang di-Pertuan Agong
- D Mematuhi undang-undang yang diluluskan Parlimen


10. Senarai berikut menunjukkan program yang diperkenalkan demi kesejahteraan rakyat.

- Rumah Mesra Rakyat
- Rumah Selangorku
- Perbadanan Perumahan 1Malaysia

Apakah matlamat program tersebut dilaksanakan?

- A Melengkapkan kemudahan awam untuk rakyat
- B Membantu golongan pertengahan memiliki rumah
- C Merapatkan jurang sosioekonomi antara penduduk
- D Membina rumah untuk golongan berpendapatan rendah

11. Maklumat berikut berkaitan dengan sistem pentadbiran di negara ini.



Apakah X?

- A Kerajaan Negeri
- B Kerajaan Persekutuan

- C Dewan Undangan Negeri
- D Pihak Berkuasa Tempatan

12. Maklumat berikut berkaitan penubuhan majlis khas di negara ini.

- Majlis Kewangan Negara
- Majlis Tanah Negara
- Majlis Air negara

Mengapakah majlis-majlis tersebut ditubuhkan?

- A Memupuk perpaduan rakyat
- B Mendaulatkan undang-undang
- C Mengukuhkan sistem Persekutuan
- D Menjamin keharmonian masyarakat

13. Kerajaan Persekutuan menubuhkan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan pada tahun 1964.

Apakah tujuan penubuhan kementerian tersebut?

- A Menyediakan perumahan kos rendah
- B Melaksanakan rancangan pembangunan tanah .
- C Menggalakkan kegiatan pelancongan domestik
- D Mewujudkan kawasan perindustrian ringan

14 ESSCOM diwujudkan untuk menambah baik aspek keselamatan dalam usaha mengembalikan semula ketenteraman. Negeri manakah yang diberikan tumpuan?

- A Pulau Pinang
- B Pahang
- C Sabah
- D Johor

15. Antara berikut, yang manakah perkara yang terkandung dalam Senarai Bersama?

- I. Undang-undang Islam
- II. Kebudayaan dan sukan
- III. Kebajikan awam
- IV. Perubatan dan kesihatan

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

16. ESSCOM atau Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah ditubuhkan untuk memastikan keselamatan rakyat di Sabah. Apakah tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh ESSCOM?

- A. Mengawasi ancaman komunis
- B. Merancang segala kegiatan gerak saraf
- C Menyelaras fungsi dan pasukan keselamatan Sabah
- D Mengawasi keselamatan di daerah Pantai Timur Sabah

17. Antara berikut, apakah perkara yang terkandung dalam Senarai Bersama?

- I Kewarganegaraan
- II Kebajikan awam
- III Peruntukan biasiswa
- IV Pentadbiran keadilan
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV


18. Rajah berikut merujuk struktur organisasi ESSCOM.



Apakah faktor yang membawa kepada pembentukan organisasi tersebut?

- A Pencerobohan pengganas
- B Penghapusan dadah
- C Pemusnahan komunis
- D Penentangan pemberontakan

19. Rajah berikut menunjukkan peringkat pentadbiran Kerajaan Malaysia.



Apakah X?

- A. Kerajaan Tempatan
- B. Majlis Daerah
- C. Majlis Bandaraya
- D. Majlis Perbandaran

20. Maklumat berikut berkaitan dengan pengukuhan Sistem Persekutuan

- Mesyuarat Menteri Besar

Mengapakah mesyuarat tersebut di adakan?

- A. Membincangkan hal berkaitan dengan kewangan
- B. Mengeratkan hubungan antara Kerajaan

- C. Menyelaraskan pentadbiran antara Kerajaan
- D. Membincangkan pembangunan sosioekonomi

21. Antara berikut, perkara manakah yang terletak di bawah Senarai Bersama?

- I Biasiswa
  - II Perumahan
  - III Pertahanan
  - IV Pertanian dan perhutanan
- A. I dan II
  - B. I dan IV
  - C. II dan III
  - D. III dan IV

22. Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri dipengerusikan oleh Perdana Menteri.

Apakah tujuan mesyuarat tersebut diadakan?

- A. Membentuk dasar Kerajaan
- B. Menggubal undang-undang
- C. Menyelaras sistem pentadbiran
- D. Membincangkan pelaksanaan sesuatu dasar

23. Apakah badan yang menyelaraskan Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Kementerian Pertahanan (KEMENTERAH) dalam negara kita?

- A Badan Pemantau Pertahanan
- B Majlis Keselamatan Negara
- C Jawatankuasa RASCOM
- D ESSCOM

24. Apakah majlis yang ditubuhkan untuk menyelaraskan pentadbiran Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri?

- I Majlis Tanah Negara
  - II Majlis Kewangan Negara
  - III Majlis Khazanah Nasional
  - IV Majlis Persekutuan Negeri
- A I dan II

- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

25 Senarai Negeri memperuntukkan kuasa Kerajaan Negeri. Perkara yang manakah terletak dalam Senarai Negeri?

- A Tanah
- B Pelajaran
- C Kesihatan
- D Pertahanan

26 Apakah faktor yang mengukuhkan Sistem Persekutuan di negara kita?

- I Keluhuran Perlembagaan
  - II Sistem demokrasi berparlimen
  - III Kerjasama Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri
  - IV Penyelarasan Kerajan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

27 Mengapakah Kerajaan Persekutuan diperuntukkan kuasa lebih besar berbanding Kerajaan Negeri?

- I Mewujudkan keadilan
  - II Mengukuh perpaduan
  - III Menjamin kestabilan negara
  - IV Meningkatkan kemajuan negara
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

28. Gambar 5 berikut menunjukkan suasana mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri.



Gambar 5

Mengapakah mesyuarat tersebut dilaksanakan?

- A Melantik ketua kerajaan
- B Mengukuhkan kuasa pemerintahan
- C Menyeragamkan undang-undang negara
- D Menyelaraskan pelaksanaan dasar kerajaan

29. Apakah kepentingan peranan Kerajaan Tempatan dalam sistem kerajaan hari ini?

- A Menggubal undang-undang tempatan
- B Melaksanakan arahan kerajaan negeri
- C Menjayakan program kerajaan persekutuan
- D Menjadi perantara kerajaan negeri dengan rakyat

30. Maklumat berikut berkaitan dengan Taman Negara di Sarawak dan Sabah.

Lokasi	Taman Negara
Sabah	Taman Negara Kinabalu
Sarawak	Taman Negara Mulu

Apakah keistimewaan taman negara tersebut?

- A Petempatan awal manusia
- B Kaya dengan flora dan fauna
- C Tapak Warisan Dunia UNESCO
- D Hasil Kerjasama Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri

## BAB 5. PEMBENTUKAN MALAYSIA

1. Jadual di bawah menunjukkan isi laporan Suruhanjaya Cobbold pada tahun 1962.
  - Mengesyorkan agar Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 dijadikan asas Perlembagaan Persekutuan yang baharu
  - Kuasa autonomi dan jaminan khas diberi kepada Sarawak dan Sabah

Apakah X?

- A Rundingan diteruskan dengan Filipina berkaitan Sabah
- B Dua pertiga penduduk menyokong pembentukan Malaysia
- C Islam dicadangkan menjadi agama rasmi di Sarawak dan Sabah
- D Sistem pendidikan dikekalkan di bawah kawalan kerajaan negeri

2. Apakah prinsip utama Perjanjian Malaysia yang ditandatangani pada 9 Julai 1963 di London?

- A Mengutamakan kedudukan peribumi
- B Mengiktiraf hak yang sama pada semua negeri
- C Mewujudkan integrasi nasional antara penduduk
- D Mengambil kira persekitaran sosioekonomi negeri

3. Persekutuan Malaysia dibentuk pada 16 September 1963. Apakah kesan pembentukan persekutuan tersebut?

- I Tekanan antarabangsa berkurang
  - II Bahan mentah dikongsi bersama
  - III Kemerdekaan wilayah terlibat
  - IV Pengaruh British meningkat
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

4. Pembentukan Malaysia telah mendapat tentangan daripada Indonesi sehingga mengumumkan dasar konfrontasi terhadap Malaysia.

Apakah tindakan Indonesia semasa peristiwa tersebut?

- A Menghentikan aktiviti kawalan
- B Menghantar bantahan rasmi
- C Menutup pintu sempadan
- D Melancarkan serangan gerila

5. Mengapakah tarikh pembentukan Malaysia ditunda dari 31 Ogos 1963 ke 16 September 1963?

- A Syarat pembentukan yang longgar
- B Suara bantahan daripada negara jiran
- C Serangan Tentera Nasional Kalimantan Utara
- D Sekatan daripada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu

6. Jadual berikut berkaitan perjanjian yang ditandatangani antara Indonesia dan Malaysia.

<b>Persetujuan Normalisasi Hubungan Indonesia-Malaysia</b>	
<b>Tarikh</b>	11 Ogos 1966
<b>Tempat</b>	Jakarta, Indonesia
<b>Wakil Malaysia</b>	Tun Abdul Razak
<b>Wakil Indonesia</b>	Adam Malik

Apakah kepentingan persetujuan tersebut?

- A Menamatkan dasar konfrontasi
- B Memulakan hubungan diplomatik
- C Meningkatkan kerjasama ekonomi
- D Mengadakan latihan ketenteraan bersama

7. Mengapakah Sir Malcolm Mac Donald dan Sir Gerald Templar mencadangkan penggabungan tanah jajahan British di Asia Tenggara?

- I Dekolonisasi
- II Keselamatan
- III Kebudayaan
- IV Potensi ekonomi
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

8 Indonesia membuat bantahan rasmi kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) tentang pembentukan Malaysia. Bagaimanakah PBB menyelesaikan isu tersebut?

- A Mengadakan siri lawatan
- B Membuat tinjauan semula
- C Memberi rasional pembentukan
- D Mengusulkan idea penyelesaian

9. Idea pembentukan Malaysia oleh Tunku Abdul Rahman turut mendapat sokongan kerajaan British.

Mengapakah British menyokong cadangan tersebut?

- I Menamatkan ancaman Komunis
- II Memperkukuh benteng pertahanan
- III Mengelakkan campur tangan asing
- IV Mempercepat kemerdekaan negara
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D II dan IV

10 Filipina merupakan antara negara jiran yang menentang pembentukan Malaysia.

Mengapakah negara tersebut bertindak sedemikian?

- A Menuntut hak wilayah Sabah
- B Menjejaskan ekonomi negara
- C Mengancam keselamatan wilayah

D Melemahkan kuasa Kesultanan Sulu

11. Berikut adalah jawatankuasa yang ditubuhkan untuk merealisasikan gagasan Malaysia.

Jawatankuasa	Pengerusi
Jawatankuasa Setia Kawan Malaysia (JSKM)	Donald Stephens

11.1. Jawatankuasa tersebut ditubuhkan?

Mengapakah jawatankuasa tersebut ditubuhkan?

- A Merangka perlembagaan Malaysia
- B Menetapkan tarikh pilihan raya umum
- C Menyebar maklumat rancangan Malaysia
- D Mendapatkan kata sepakat rakyat Singapura

12. Antara yang berikut, yang manakah berkaitan Akta Malaysia?

- I Sabah berhak menubuhkan kabinet negeri
- II Hal ehwal luar negeri tanggungjawab negeri
- III Pertahanan di bawah kawalan kerajaan negeri
- IV Tarikh pembentukan Malaysia pada 31 Ogos 1963
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan V

13. Rajah berikut berkaitan dengan cadangan awal pembentukan Malaysia.



Siapakah tokoh X ?

- A Sir Malcolm MacDonald
- B Sir Gerald Templar
- C Sir Geoffrey Tory

D Lord Brassey

14. Mengapakah Barisan Sosialis di Singapura menentang pembentukan Malaysia?

- A Bimbang pengaruh British dikekalkan
- B Khawatir kehilangan sumber kekayaan
- C Ingin mendapat kemerdekaan berasingan
- D Anggap Malaysia sebagai penjajahan baharu

15. Menjelang jun 1962, Suruhanjaya Cobbold menyerahkan laporan kepada kerajaan British dan Persekutuan Tanah Melayu. Antara berikut, yang manakah termasuk dalam laporan tersebut?


- A Mengesyorkan penubuhan parti-parti politik di Sarawak
- B Menyatakan dua pertiga penduduk menyokong pembentukan Malaysia
- C Mengemukakan gambaran sebenar sokongan penduduk
- D Memutuskan bahawa Singapura akan menyertai Malaysia

16. Apakah kesan peristiwa berikut?

Tahun	Peristiwa
1965	Jeneral Soeharto telah mengambil alih kuasa pemerintahan daripada Presiden Soekarno

- A. Perang dunia merebak
- B. Sistem beraja dipulihkan
- C. Pakatan tentera dibentuk
- D. Dasar konfrontasi berakhir

17. Dialog berikut merujuk cadangan Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj untuk memasukkan Singapura dan Sarawak ke dalam Persekutuan Malaysia.



Mengapakah cadangan tersebut dibuat oleh Tunku Abdul Rahman?

- I Menghalang ancaman komunis
  - II Menyeimbangkan komposisi kaum
  - III Mengukuhkan semangat perkauman
  - IV Mengeksploitasi ekonomi tempatan
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV

18. Pernyataan berikut berkaitan langkah pembentukan Malaysia.

### Rundingan London

Pada bulan November 1961, rundingan pembentukan Malaysia diadakan di London antara kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dan kerajaan British yang berjaya menubuhkan sebuah suruhanjaya untuk meninjau reaksi penduduk di Sarawak dan Sabah.

Apakah iktibar yang dapat diambil daripada langkah tersebut?

- A Kemampuan mengekalkan kuasa
- B Kesepakatan menyelesaikan masalah
- C Kebijaksanaan mendapatkan sokongan
- D Kecekapan menjalankan tugas

19. Pegawai British mengemukakan idea penyatuan gagasan Malaysia.

Apakah matlamat penyatuan wilayah tersebut?

- A. Melaksanakan pemodenan
- B. Melakukan imperialisme
- C. Memupuk perpaduan
- D. Memudahkan pentadbiran British

20 Maklumat berikut berkaitan dengan Intipati Perjanjian Malaysia

- Akta Perjanjian Malaysia

Apakah Intipati Perjanjian tersebut?

- A Tarikh pembentukan Malaysia adalah pada 31 Ogos 1963.
- B Mengembalikan keamanan keharmonian dan kepercayaan antara kaum dalam Negara
- C Jawatankuasa dipengerusikan oleh Lord Landsdowne
- D Islam ialah agama Persekutuan Malaysia


21. Sebelum idea gagasan Malaysia muncul, telah ada idea lain yang ingin menggabungkan bekas tanah jajahan British di Asia Tenggara. Apakah idea tersebut?

- A. Asia Timur Raya
- B. Asia untuk Asia
- C. Melayu raya
- D. Malai Baru

22. Tarikh Pengisytiharan Malaysia ditangguhkan dari 31 Ogos 1963 kepada 16 September 1963? Mengapakah berlaku situasi tersebut?

- A. Singapura menarik diri
- B. Kegagalan rundingan di Manila
- C. Kelewatan laporan Setiausaha PBB
- D. Indonesia melancarkan konfrontasi

23 Rajah menunjukkan dialog dari Gabenor Jeneral British di Asia Tenggara.



Sir Malcolm MacDonald

Apakah maksud Dekolonisasi yang dimaksudkan oleh pegawai di atas?

- A Kebebasan bersuara
- B Menamatkan darurat
- C Kuasa autonomi negeri
- D Proses berkerajaan sendiri

24 Bagaimanakah kedudukan bumiputera di Sarawak dan Sabah selepas pembentukan Malaysia?

- A Diterima sebagai rakyat
- B Mendapat sokongan kewangan
- C Dilantik dalam pentadbiran awam
- D Pengiktirafan sama seperti orang Melayu

25. Apakah konsep gagasan Malaysia?

- A Menggabungkan negara-negara di Asia Tenggara
- B Menyatukan negara-negara maju di Asia Tenggara
- C Menyatukan negara-negara sedang membangun di Asia Tenggara
- D Menggabungkan beberapa bekas tanah jajahan British di Asia Tenggara

26. Rajah berikut berkaitan dengan pembentukan Malaysia.



Mengapakah wilayah tersebut menyokong gagasan Malaysia?

- I Mengelakkan dekolonisasi
  - II Menamatkan ancaman komunis
  - III Mengukuhkan benteng pertahanan
  - IV Memenuhi desakan penduduk tempatan
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

27 Antara berikut, apakah faktor-faktor yang berjaya merealisasikan pembentukan Malaysia pada 16 September 1963?

- I Tuntutan
  - II Konfrontasi
  - III Rundingan
  - IV Kesepakatan
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

28 Maklumat berikut berkaitan reaksi pembentukan Malaysia.

- Dr. Subandrio, Menteri Luar Indonesia bertindak mengumumkan dasar konfrontasi Malaysia pada 20 Januari 1963.

Apakah alasan yang membawa kepada tindakan tersebut?

- A Mendakwa Sabah miliknya
- B Mengancam kedudukan Indonesia
- C Mengagalkan gagasan Melayu Raya
- D Mengurangkan pengaruh orang Melayu

29. Konsep Melayu Raya merupakan idea gagasan Malaysia yang diperjuangkan oleh gerakan nasionalisme sebelum Perang Dunia Kedua.

Apakah matlamat yang hendak dicapai melalui Melayu Raya?

- A Penyatuan Tanah Melayu dengan Indonesia
- B Persekutuan Malaysia tanpa Singapura
- C Penyatuan Sarawak dan Sabah dengan Brunei
- D Penyatuan semua bekas tanah jajahan British di Asia Tenggara

30. Satu referendum diadakan di Singapura pada awal September 1962.

Mengapakah diadakan referendum tersebut?

- A Menambah penyertaan Singapura dalam Malaysia
- B Menyatakan pilihan Singapura menyertai Malaysia -
- C Menuntut kemerdekaan Singapura
- D Memilih pemimpin

## BAB 6 CABARAN SELEPAS PEMBENTUKAN MALAYSIA

1. Saiz negeri Sarawak dan Sabah menjadi cabaran dalam bidang perhubungan dan pengangkutan

Mengapakah cabaran tersebut wujud?

- A Kekurangan dana
- B Ketidakstabilan politik
- C Kelemahan sistem pentadbiran
- D Kebergantungan kepada pengangkutan air

2. Apakah faktor ekonomi yang menjadi sebab pemisahan Singapura daripada Malaysia ?

- I. Penambahan cukai
- II Pembinaan pelabuhan bebas
- III Pengecualian kadar faedah
- IV Pembukaan pasaran bersama disegerakan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D. III dan IV

3. Mengapakah Singapura dipisahkan daripada Persekutuan Malaysia pada tahun 1965?

- A Rusuhan kaum
- B Pemansuhan cukai
- C Ancaman komunis
- D Pembatalan perjanjian

4. Bagaimanakah kerajaan mengatasi isu berikut selepas pembentukan Malaysia?

- \* Peluang pekerjaan terhad
- \* Kadar pengangguran tinggi

A Memperkenalkan industri berat

- B Mengawal kemasukan buruh asing
- C Memperkenalkan teknologi baharu
- D Menubuhkan pusat latihan vokasional

5 Jadual berikut berkaitan langkah kerajaan Malaysia bagi menangani ancaman dalam negeri.

Tarikh	Langkah
Julai 1965	Operasi Hammer
Ogos 1970	Operasi Jala Raja
Mac 1972	RASCOM dibentuk
Oktober 1973	Operasi Sri Aman

Apakah kejayaan langkah tersebut?

- A Rusuhan kaum dibendung
- B Ancaman komunis dibanteras
- C Pemerdagangan orang ditangani
- D Kegiatan penyeludupan dikekang

6. Sarawak telah mengalami krisis perlembagaan pada bulan Jun 1966.

Bagaimanakah kerajaan bertindak untuk menghadapi krisis ini?

- A Mengisytiharkan darurat
- B Meminda perlembagaan
- C Mengadakan pilihan raya
- D Memberi khidmat nasihat

7. Berikut adalah majlis yang diberikan kuasa untuk memerintah negara dari 16 Mei 1969 hingga 23 Februari 1971

- MAGERAN

Apakah tanggungjawab majlis tersebut?

- A Memperkenalkan dasar ekonomi negara
- B Menyusun strategi ketenteraan negara
- C Menentukan pentadbiran negara licin
- D Mengendalikan pilihan raya yang adil

8. Rusuhan kaum telah berlaku di Singapura pada 21 Julai 1964 yang menimbulkan ketegangan antara kaum. Mengapakah peristiwa tersebut berlaku?

- A Krisis perebutan kuasa pentadbiran
- B Percubaan menuntut persamaan hak
- C Perbuatan provokatif dalam berkempen
- D Ketidakseimbangan dalam sosioekonomi

9 Maklumat berikut berkaitan perjanjian damai untuk melindungi rakyat daripada ancaman komunis.

- Perjanjian Hat Yai telah ditandatangani antara Parti Komunis Malaya (PKM), kerajaan Malaysia dan Thailand pada 2 Disember 1989.

Apakah kesan daripada perjanjian tersebut?

- A Pembinaan pagar sempadan
- B Penguatkuasaan imigresen
- C Penyelarasan kawalan
- D Pembubaran PKM

10. Apakah faktor yang mendorong pemisahan Singapura daripada Malaysia?

- I Hak faedah percukaian
- II Hak s a m a rata s e m u a kaum
- III Pembukaan pasaran bersama
- IV Pengekalan sebagai pelabuhan bebas

- A I dan II
- I d a n IV
- C I| d a n III
- D I|I dan IV

11 Pelbagai usaha telah dilaksanakan bagi melindungi rakyat daripada ancaman penganas komunis termasuk pelaksanaan Strategy Counterinsurgency (COIN).

Apakah langkah yang diambil melalui strategi tersebut?

